



KERATAN AKHBAR

| | | | | | |
|--------------|---|------------------|------------|---|----|
| SURAT KHABAR | : | BERITA HARIAN | | | |
| TARIKH | : | 18/11/2019 | MUKA SURAT | : | 16 |
| JABATAN | : | PERHILITAN | | | |
| KLASIFIKASI | : | PERHATIAN | | | |

Jawatankuasa khas banteras pemburu haram

Kota Kinabalu: Setiap Ketua Polis Daerah di kawasan berkaitan diarahkan mewujudkan satu jawatankuasa bagi memantau dan membantaras kegiatan jenayah berkaitan pemburuan dan pengambilan khazanah negara secara haram.

Pesuruhjaya Polis Sabah, Datuk Omar Mammah, berkata jawatankuasa itu akan membabitkan Ti-ger Platoon, Ibu Pejabat Polis Daerah berkenanan dan jabatan kerajaan yang berkaitan. Katanya, jawatankuasa bukan

saja memantau hidupan liar tetapi juga menjaga tumbuh-tumbuhan dilindungi di negeri ini.

"Antara jabatan yang akan dimasukkan ke dalam jawatankuasa ini adalah Jabatan Hidupan Liar, Jabatan Pertanian, Jabatan Perikanan dan Jabatan Hutan.

"Kita harap penubuhan jawatankuasa ini akan dapat membantaras perlakuan jenayah pihak tidak bertanggungjawab yang menyangkut keuntungan hasil negara," katanya pada sidang media selepas Majlis Penutupan Bulan Su-

kan Negara PDRM peringkat Ibu Pejabat Kontinjen Sabah, semalam.

Omar berkata, kes kematian gajah cukup mencurigakan kerana dalam tempoh yang singkat, empat gajah dilaporkan mati dan ada antaranya akibat dibunuh.

"Berdasarkan laporan sebelum ini, gajah yang ditemui mati disebabkan akibat kesan tembakan.

"Oleh itu, kita akan bantu menjalankan siasatan dalam usaha membantaras kegiatan tidak bertanggungjawab ini," katanya.



Jawatankuasa itu juga menjaga tumbuh-tumbuhan dilindungi di negeri ini.
Omar Mammah,
Pesuruhjaya Polis Sabah